

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## **Fitnah terhadap Mahathir dan Musa di Kedah**

**SUNGAI PETANI,**  
Rabu — Exco Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Zainal Abidin Johari mendedahkan ada kalangan di negeri ini cuba memburukkan nama baik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam konon kedua pemimpin itu "cuma menolong orang Melayu sahaja."

"Fitnah ini adalah jahat dan tidak benar sama sekali," kata Datuk Zainal ketika merasmikan kelas Tadika Khir Johari di Ladang Sungai Tok Pawang dekat sini kelmarin.

"Mereka yang mengeluarkan fitnah itu ternyata tidak mengetahui sama sekali latar belakang sejarah negara," katanya.

Menurut beliau apa yang dilaksanakan oleh kedua pemimpin Kerajaan itu sejajar dengan lunas-lunas sejarah yang mewujudkan Dasar Ekonomi Baru negara.

Datuk Zainal menegaskan Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir juga s e n t i a s a mengamalkan konsep terbuka untuk semua golongan rakyat yang ingin berusaha.

"Konsep kita dalam bidang ekonomi, sosial dan politik sentiasa terbuka untuk setiap rakyat yang mengaku taat setia kepada negara ini, " tegasnya.

No. Siri

No. Pen